

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 18 MEI 2005, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 11

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. 19-100364
Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah Kementerian berhasrat mengadakan skim latihan usahawan kepada golongan graduan menganggur yang berminat menceburi bidang pertanian dan apakah bentuk bantuan yang akan diberikan kepada mereka semasa dan selepas menjalani latihan usahawan tani tersebut.
2. 7-100219
Dato' Ratnam a/l Muthiah minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada apa-apa cadangan di pihak Kerajaan untuk meningkatkan umur persaraan bagi kakitangan awam dari 56 ke 58 tahun. Sekiranya dilaksanakan, bagaimanakah kesannya kepada penjawat awam yang sedang menunggu untuk kenaikan pangkat.
3. 49-100567
Dato' Omar bin Faudzar minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perancangan Kerajaan dalam mengurangkan kadar muflis bagi kes-kes seperti kad kredit, pinjaman persendirian dan lain-lain lagi.
4. 57-100153
Tuan Tan Bon You minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sebab-sebab kekurangan jururawat bukan Melayu yang mengikuti kursus diploma di kolej kejururawatan yang dikendalikan oleh Kementerian dan apakah langkah-langkah yang diambil bagi meningkatkan pengambilan jururawat bukan Melayu.
5. 48-100011
Dato' Dr. Chin Fook Weng minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah jaminan kepada pembeli rumah sekiranya terdapat keciciran, kekurangan dan ketidakpuasan apabila Sijil Kelayakan Menduduki (CF) itu dikeluarkan oleh para arkitek dan bukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan di bawah garis panduan baru yang dicadangkan itu.

6. 70-100195
Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah Kementerian sedar beberapa insiden pergaduhan beramai-ramai yang melibatkan sebahagian pasukan tentera dengan pihak awam boleh mencemarkan keseluruhan maruah pasukan tentera.
7. 41-100278
Tuan Poh Mok Hua @ Poh Bak Hoe minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan tentang bekalan elektrik terputus secara besar-besaran pada 13 Januari 2005:-
 - (a) berapakah kos kerugian yang dialami oleh pengguna; dan
 - (b) adakah Kerajaan akan mendesak TNB untuk membayar pampasan kepada para pengguna.
8. 43-100038
Puan Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan:-
 - (a) bilakah kenaikan gaji dan juga elaun kakitangan dan pegawai penjara dapat dilaksanakan; dan
 - (b) bilakah penambahan kakitangan penjara atau warden dapat dilaksanakan mengikut nisbah yang sepatutnya.
9. 67-100110
Datuk Dr. Haji Mohd Fuad bin Haji Ahmad minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah jumlah kemasukan aliran modal terus (FDI) ke Malaysia bagi tahun 2000 hingga 2004 dan nyatakan mengapakah masih terdapat masalah untuk melipat gandakan kemasukan FDI ke negara ini.
10. 20-100105
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan sebab-sebab ketidak prihatinan stesyen RTM dalam menyebarkan maklumat segera mengenai bencana gempa bumi pada 8.5 skala Richter yang berlaku pada 26 Mac 2005 di negara jiran dan impaknya di negara kita.
11. 18-100494
Tuan Ismail bin Kasim minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah strategi Kementerian di dalam menangani kenaikan mendadak harga telur ayam biasa di pasaran sehingga ada yang mencecah sehingga RM0.35 sen sebiji, sedangkan telur berkhasiat seperti Omega-3 berharga antara RM0.30 - RM0.32 sen sahaja sebiji.

12. 22-100282
Dato' Dr. Vijayaratnam a/l Seevaratnam minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan tahap kejayaan hasrat Kerajaan supaya Sekolah-sekolah Kebangsaan akan menjadi sekolah pilihan pertama kepada semua murid-murid di negara ini.
13. 47-100326
Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bandar-bandar yang dibekalkan dengan tong kitar semula dan sejauh manakah sambutan masyarakat terhadap kempen tersebut.
14. 65-100073
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan faktor-faktor penting yang menghalang kemajuan penangkapan ikan laut di Malaysia dan usaha-usaha mengatasi masalah itu.
15. 46-100309
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah tajaan Formula One yang dibiayai oleh Petronas sehingga tahun 2005.
16. 52-100585
Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang mewujudkan satu sistem komunikasi digital yang membolehkan setiap jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan berkomunikasi secara terus bagi menyelesaikan masalah komunikasi yang timbul pada hari ini di antara mereka kerana ini boleh menimbulkan masalah terutamanya semasa kecemasan.
17. 43-100018
Puan Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah Kementerian tidak sedar bahawa kemasukan Pelatih Program Latihan Khidmat Negara buat kali ke 2 Tahun 2005 ini sangat tidak sesuai memandangkan keputusan peperiksaan SPM baru saja diperolehi dan pelatih masih belum selesai mengisi borang-borang untuk ke Institusi Pengajian Tinggi.
18. 68-100164
Datuk Haji Roslan bin Awang Chik minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapakah jumlah projek dan nilainya di mana kontraktor-kontraktor Malaysia dapat tawaran di negara-negara luar dan berikan nama negara secara kasar.

19. 66-100242
Tuan Hii Tiong Kuoh minta **PERDANA MENTERI** menyatakan Bintulu kini muncul sebagai pengeluar gas terbesar dan gas tersebut dipasarkan ke negara-negara luar. Adakah usaha Kerajaan untuk menyalurkan sedikit hasil gas tersebut kepada penduduk tempatan.
20. 9-100511
Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan:-
- (a) apakah yang menyebabkan ATM tidak mewajibkan bakal pesara menyertai kursus peralihan dengan Perbadanan PERHEBAT; dan
 - (b) bagaimanakah pengiktirafan dan penerimaan pasaran luar terhadap kursus-kursusnya.
21. 38-100375
Puan Mariah binti Haji Abdullah minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan jumlah Pendatang Asing Tanpa Izin yang ditahan dalam Ops Tegas.
22. 51-100008
Tuan Chiam Yong Tee minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan:-
- (a) bilangan IPTS yang didapati beroperasi dengan menyalahi peraturan-peraturan dan undang-undang negara; dan
 - (b) apakah tindakan yang telah diambil terhadap mereka.
23. 25-100349
Puan Ooi Siew Kim minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan berapakah permohonan menjadi warganegara Malaysia telah diluluskan di Kementerian ini dan dari manakah asal negara mereka.
24. 40-100034
Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan:-
- (a) adakah Sekolah Wawasan yang wujud sekarang mencukupi dan adakah projek pelaksanaan Sekolah-sekolah Wawasan dilaksanakan seperti dirancang di setiap negeri; dan
 - (b) berapa banyakkah Makmal Komputer Fasa 1 yang masih belum diserahkan kepada pihak pentadbiran sekolah.

25. 59-100176
Tuan Tay Puay Chuan minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-
- (a) berapakah subsidi minyak diesel yang diberikan kepada orang awam dan kenderaan perdagangan (yang boleh membelinya dari stesen minyak awam) dan para nelayan (yang boleh membelinya dari stesen minyak yang khas untuk nelayan sahaja) untuk seliter; dan
 - (b) mengapakah terdapat perbezaan (sekiranya ada) di antara subsidi yang diberikan kepada orang awam dan kenderaan perdagangan dan nelayan serta rasional dan sebab-sebab berlaku demikian.
26. 69-100334
Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan tentang jumlah peruntukan yang disalurkan kepada Jabatan-jabatan Belia Negeri dan Daerah dan bagaimana pula ia diagihkan terutamanya kepada Persatuan-persatuan Belia yang terdapat di daerah-daerah.
27. 14-100441
Tuan Krishnan a/l Maniam minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengistiharkan Hari Thaipusam sebagai cuti umum di seluruh negara.
28. 21-100222
Datin Naomi Chong Set Mui minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan jumlah Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang telah meninggalkan Sabah secara sukarela dan minta diberikan statistik menurut pecahan kewarganegaraan mereka hingggga sekarang. Berapa ramaikah PATI ini yang telah kembali semula ke negara ini dengan menggunakan dokumen perjalanan yang sah.
29. 27-100481
Puan Hajah Che Jam binti Harun minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah kemudahan yang dapat dan akan diberikan kepada bekas-bekas pelatih yang mengikuti Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) di seluruh negara dan adakah apa-apa perubahan akan dilakukan untuk lebih menarik, berkesan serta susulan program kedua yang lebih berbentuk pengkhususan bagi yang terpilih sahaja.
30. 17-100429
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan status rancangan-rancangan untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur. Apakah kaedah yang digunakan untuk mengukur tahap kesesakan dari dulu hingga kini sejak tahun 2000.

31. 54-100051
Dato' Sri Empiang Jabu minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan sama ada terdapatnya peningkatan penyeludupan senjata-senjata api ke Sarawak dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk membanteras aktiviti penyeludupan ini.
32. 42-100080
Tuan Tan Cheng Tee minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang membina 'City Air Terminal' di Seremban untuk memudahkan penumpang penerbangan membuat 'Check-In' bagi penumpang kawasan selatan. Di sini Kerajaan tidak perlu menyediakan ERL tetapi tren komputer yang biasa pun sudah mencukupi.
33. 19-100345
Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah implikasi hubungan Indonesia dan Malaysia setelah menghadapi banyak kerenah birokrasi Indonesia dalam kemasukan semula pekerja-pekerja republik tersebut.
34. 62-100147
Datuk Hajah Azizah binti Abd Samad minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula undang-undang bagi mengawal pemilik dan pengusaha yang mengeluarkan makanan halal, supaya hukuman yang dikenakan menjadi lebih berat daripada apa yang terdapat kini.
35. 39-100467
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah usaha-usaha yang akan dilaksanakan bagi memupuk generasi-generasi muda untuk menceburi bidang-bidang atau industri-industri yang khususnya dalam industri pertanian dan perladangan yang memerlukan golongan pelapis pada masa akan datang.
36. 71-100557
Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah institusi pengajian tinggi swasta di seluruh negara hari ini dan apakah strategi Kementerian untuk memastikan agenda negara sebagai pusat kecemerlangan ilmu serantau dan dunia tidak akan dihalang oleh institusi pengajian swasta yang tidak berkaliber dan gagal menawarkan kursus-kursus yang diiktiraf baik di Malaysia mahupun di peringkat antarabangsa.

37. 22-100258
Dato' Dr. Vijyaratnam a/l Seevaratnam minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan adakah kekurangan pegawai-pegawai penguatkuasa Kementerian menjadi masalah untuk menjayakan sesuatu operasi penguatkuasaan, dan apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk mengatasinya.
38. 7-100226
Dato' Ratnam a/l Muthiah minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah apa-apa rancangan dari Kerajaan pusat untuk mewujudkan taman seperti Taman Cahaya di Bukit Cerakah di Selangor di tiap-tiap negeri di Malaysia. Jika tidak, mengapa demikian.
39. 30-100535
Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai perancangan agar rancangan berbentuk hiburan tidak diberikan keutamaan bagi merencanakan generasi muda akan datang melalui konsep Islam Hadhari.
40. 60-100388
Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan:-
- (a) benarkah tuduhan Singapura bahawa pencemaran air di Selat Tebrau dan Pantai Lido berpunca daripada pencemaran air Sungai Segget dan Sungai Skudai; dan
 - (b) apakah air di Selat Tebrau akan menjadi bersih jika Tambak Johor dirobohkan untuk digantikan dengan sebuah jambatan baru.
41. 65-100072
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan usaha-usaha terkini mengatasi masalah siswazah menganggur.
42. 44-100283
Puan Safinah binti Jusoh minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan apakah langkah-langkah pro-aktif dan efektif yang diambil oleh Kementerian bagi memastikan kejadian "black out" dalam negara ini tidak terus berulang lagi.
43. 17-100431
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sama ada e-permohonan dan e-rayuan berjalan dengan lancar, apakah masalah yang dihadapi dan tindakan penyelesaian yang diambil oleh Kementerian.

44. 33-100409
Datuk Kalakau @ Kalakan bin Untol minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah statistik sebenar Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang dihantar pulang ke negara masing-masing selepas tamat tempoh program pengampunan PATI baru-baru ini.
45. 58-100130
Datuk Hajjah Dayang Mahani binti Tun Pengiran Haji Ahmad Raffae minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah dasar sesebuah syarikat pengangkutan penerbangan awam yang diberi lesen oleh Kementerian terhadap penumpang-penumpang yang kurang upaya yang memerlukan kerusi roda dan bolehkah sesebuah syarikat penerbangan menolak tempahan dengan memulangkan balik tiket penerbangan yang telah dibeli oleh penumpang-penumpang yang kurang upaya ini dengan tujuan tidak memberi peluang kepada penumpang tersebut menaiki pesawat.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R. 2/2005) Rang Undang-undang Pelaburan Kerajaan (Pindaan) 2005
– **Menyambung semula Perbahasan atas masalah
“Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang
kedua sekarang. (17 Mei 2005)**

2. (D.R. 28/2004) Rang Undang-undang Konvensyen Senjata Kimia 2004 **Bacaan Kali
Yang Kedua**

3. (D.R. 6/2005) Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 2005 “

4. (D.R. 3/2005) Rang Undang-undang Angkatan Tentera (Pindaan) 2005 “

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

<u>TAHUN 2005</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.34	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Getah Malaysia (LGM) Tahun 2003 (Telah Diaudit).	18 Mei 2005
ST.38	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Sekuriti Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit).	18 Mei 2005
ST.39	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Bagi Tahun 2003.	18 Mei 2005
ST.41	Laporan Tahunan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) Tahun 2003.	18 Mei 2005